

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID
(LUMUT)**

**TARIKH : 08.10.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa prestasi Hospital Angkatan Tentera Lumut kian merosot di mana Unit Rawatan Rapi (ICU) tidak dioperasikan kerana kekurangan staf, dan dimaklumkan pakar bius dan doktor pakar yang sangat terhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Lumut kini hanya berkeupayaan dan berfungsi dengan dua katil ICU. Perjawatan yang telah diluluskan hanyalah seorang Ketua Jururawat (U32) dan empat orang Jururawat Terlatih Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Walau bagaimanapun bagi memenuhi keperluan piawaian perkhidmatan ICU, dua orang Jururawat Terlatih telahpun ditempatkan bagi membolehkan ICU berfungsi dengan berkesan.

HAT Lumut kini mempunyai seorang pakar bius dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM juga di dalam proses mendapatkan perkhidmatan seorang Pakar Bius melalui kontrak dengan bekas Pakar Bius yang baru menamatkan perkhidmatan pada bulan April 2014. Pengoperasian ICU ini diperlukan bagi menampung kes-kes pasca pembedahan, keracunan dan kecederaan kepala (*head injury*) sebelum dirujuk ke Hospital berdekatan. HAT Lumut juga mempunyai hubungan baik dengan Hospital Besar Ipoh dan Hospital Daerah Manjung.